

Percutian Yang Bermakna.



Pada cuti sekolah yang lepas, keluarga Nabila pergi melancong di Negeri Sembilan dan Johor. selatan. Di Negeri Sembilan, keluarga Nabila pergi ke Karnival Mesra Proton yang diadakan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Pelbagai kereta dipamerkan seperti Proton Ertiga. Pengunjung juga boleh bergambar dengan maskot harimau. Maskot itu bernama Sang Rimau.

Seterusnya, keluarga Nabila pergi ke Johor pula. Mereka melawat Masjid Sultan Abu Bakar yang dibina pada tahun 1893. Masjid ini dirasmikan oleh DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. Masjid Sultan Abu Bakar terletak di pinggir selat. iaitu Selat Tebrau, Johor. Selain itu, mereka juga pergi ke Kota Batu Johor Lama dahulunya ialah benteng pertahanan daripada serangan Portugis. Kota tersebut terletak di puncak bukit di tebing Sungai Johor.

Hasil daripada percutian tersebut, Nabila sangat gembira kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga dan dapat mencipta kenangan yang terindah bersama keluarga.